

Dasar Privasi kami

Kali terakhir kami (AVG Technologies NV dan affiliate kami) mengubah dasar privasi kami adalah pada 15 Oktober 2015. Jika anda berminat untuk melihat apa yang berubah, sila [klik di sini](#).

Mengapakah anda mengumpul data saya?

Ia mudah. Kami menyediakan produk dan perkhidmatan bagi membantu anda melindungi keselamatan data, peranti dan privasi peribadi anda. Kami menggunakan data untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan tersebut, menyediakan sokongan, menghantar pemberitahuan, tawaran dan promosi serta untuk menjana wang daripada tawaran percuma kami supaya kami boleh terus menawarkannya secara percuma.

Kami menggunakan data yang boleh mengenal pasti anda yang dipanggil data peribadi, untuk:

- Mendayakan anda membeli dan memuat turun produk, mendapatkan akses kepada perkhidmatan dan terlibat dalam aktiviti yang ditawarkan;
- Membekalkan anda dengan maklumat mengenai peringatan virus, produk dan perkhidmatan yang dinaik taraf dan baharu, dan maklumat lain yang anda telah minta;
- Menyediakan mesej perkhidmatan ke peranti anda;
- Memberi isyarat kepada anda sekiranya kami menentukan bahawa fail, aplikasi atau e-mel anda berpotensi berniat jahat;
- Menghantar surat berita, e-mel bermaklumat atau maklumat lain berkenaan AVG; dan
- Memberikan peluang istimewa, termasuk tawaran yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan pihak ketiga

Kami menggunakan data yang tidak mengenal pasti anda, dipanggil data bukan peribadi, untuk banyak tujuan, termasuk untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami dan bagi membantu mengekalkan tawaran kami

percuma. Kami boleh menggunakan data bukan peribadi secara khususnya untuk membina profil data tanpa nama dan menyediakan pemasaran bersegmen, menjana maklumat statistik agregat, untuk memperbaik dan mentadbir produk semasa kami serta mewujudkan produk baharu.

Anda boleh berasa yakin bahawa kami melindungi maklumat yang kami kumpulkan. Dengan menggunakan produk atau perkhidmatan kami, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan perkongsian data anda mengikut Dasar Privasi ini. Melainkan produk khusus itu menyatakan sebaliknya, semua produk dan perkhidmatan AVG terangkum dalam Dasar Privasi ini.

Jika anda benar-benar berminat dengan kandungan privasi ini, kami telah menyediakan [beberapa video](#) untuk membantu menjelaskan apa yang kami lakukan, mengapa dan bagaimana kami melakukannya.

Bagaimanakah anda mengumpul data saya?

Kami mengumpul maklumat dengan tiga cara: apabila anda menyediakan kami maklumat, secara automatik, apabila anda menggunakan laman web atau produk kami, dan apabila disediakan kepada kami oleh pihak ketiga. Banyak pengumpulan automatik kami dilakukan melalui penggunaan perkara seperti kuki dan bikon penjejakan. Jika anda ingin tahu maksudnya melalui kuki atau bikon penjejakan, sila [klik di sini](#). Anda dapat menemui maklumat menyeluruh tentang cara kami menggunakan kuki dan perkhidmatan penjejakan dan analisis pihak ketiga [di sini](#). Selain itu, jika anda mempunyai pilihan yang didayakan, kami boleh mengimbas trafik web (termasuk trafik yang disulitkan) untuk ancaman virus yang dikenali.

Apakah maklumat yang dikumpulkan yang boleh mengenal pasti saya?

Seperti banyak syarikat, sesetengah maklumat yang kami kumpul, dikenali sebagai data peribadi, boleh mengenal pasti anda. Contoh data peribadi mungkin nama atau alamat e-mel anda.

Sesetengah data peribadi yang kami kumpul hanya apabila anda menyediakannya kepada kami. Maklumat ini boleh meliputi nama anda, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan jika anda membayar melalui kad kredit, maklumat pembayaran anda. Ini mungkin berlaku apabila anda:

- Membuat akaun pengguna, membuat pesanan atau mendaftar produk;
- Meminta sokongan produk atau perkhidmatan lain;
- Meminta maklumat mengenai produk; atau
- Menyertai tinjauan.

Sesetengah data peribadi kami kumpul secara automatik apabila anda menggunakan laman web atau produk kami. Maklumat ini mungkin meliputi sebahagian atau semua jemis maklumat berikut:

- Alamat Protokol Internet ("IP") anda;
- Nama pengguna dan akaun serta data berkaitan;
- Nombor telefon;
- Nombor kad (Modul Pengenalan Pelanggan) SIM;
- Nombor ID Peranti, termasuk ID Mesin, IMEI dan/atau MEID;
- Lesen produk AVG dan nombor pengenalan; dan
- Lokasi geografi berdasarkan GPS/Wi-Fi/maklumat setempat rangkaian komunikasi.

Kami menjadikan data yang kami kumpul sebagai tanpa nama dan menyimpannya dalam keadaan yang tidak mengenal pasti anda kecuali kami memerlukan data bagi mengekalkan sifatnya yang boleh dikenal pasti secara peribadi. Sebagai contoh, apabila kami mengumpul alamat IP anda, kami boleh menjadikan alamat IP anda tanpa nama dengan mengelirukan kumpulan digit terakhir (cth., mengubah 192.168.1.1 kepada 192.168.1.XXX).

Apakah yang anda kumpul yang tidak boleh mengenal pasti saya?

Kami mengumpul banyak jenis data, dipanggil data bukan peribadi yang tidak mengenal pasti anda secara peribadi. Sementara kami tidak boleh menyenaraikan semua dan setiap jenis data bukan peribadi yang kami kumpul, kami telah mencuba di bawah untuk memberikan anda pemahaman umum mengenai jenis data peribadi yang kami kumpul dan contoh untuk membantu anda melihat apa yang kami maksudkan.

Kami mengumpul data bukan peribadi untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami, termasuk:

- data yang mungkin berkaitan ancaman malware pada peranti anda dan sasaran ancaman tersebut, termasuk salinan fail atau e-mel yang ditandakan sebagai kemungkinan malware, nama fail, cincangan kriptografi, vendor, saiz, cap tarikh, kunci daftaran bersekutu, dsb.;
- maklumat mengenai cara anda menggunakan produk kami dan ciri-cirinya, termasuk maklumat mengenai peranti tertentu anda, pemasangan dan kadar penyahpemasangan, bahasa, parameter teknikal dan pengeluar peranti, maklumat keselamatan peranti (atribut kata laluan, tahap penyulitan), dsb.; dan
- maklumat mengenai di mana produk dan perkhidmatan kami digunakan, termasuk lokasi tepat, poskod, kod kawasan, zon waktu dan daripada URL mana anda datang untuk mencapai produk kami.

Kami mengumpul data bukan peribadi untuk menjana wang daripada tawaran percuma kami supaya kami boleh mengekalkannya percuma, termasuk:

- ID Pengiklanan digabungkan dengan peranti anda;
- Sejarah pelayaran dan carian, termasuk meta data;
- Pembekal perkhidmatan Internet atau rangkaian mudah alih yang anda gunakan untuk berhubung dengan produk kami; dan
- Maklumat berkenaan aplikasi lain yang anda mungkin miliki pada peranti anda dan bagaimana ia digunakan.

Kadang-kadang sejarah pelayaran atau sejarah carian mengandungi terma yang mungkin mengenal pasti anda. Jika kami menyedari bahawa bahagian

sejarah pelayaran anda mungkin mengenal pasti anda, kami akan melayan bahagian sejarah anda tersebut sebagai data peribadi dan akan menjadikan maklumat ini tanpa nama. Kami juga mungkin mengagregat dan/atau menjadikan data peribadi yang kami kumpul mengenai anda tanpa nama. Sebagai contoh, walaupun kami akan menganggap lokasi tepat anda menjadi data peribadi jika disimpan secara berasingan, jika kami menggabungkan lokasi pengguna kami dalam set data yang boleh memberitahu kami jumlah pengguna yang terdapat di negara tertentu, kami tidak akan menganggap maklumat beragregat ini menjadi boleh dikenal pasti secara peribadi.

Adakah anda berkongsi data saya?

Ya, walaupun bila dan bagaimana kami berkongsikannya bergantung pada sama ada ia data peribadi atau bukan peribadi. AVG boleh berkongsi data bukan peribadi dengan pihak ketiga dan boleh memaparkan secara terbuka maklumat beragregat atau tanpa nama.

Kami tidak menjual atau menyewa data peribadi anda kepada pihak ketiga.

Kami boleh berkongsi data peribadi tertentu (seperti yang diterangkan di bawah) dengan:

- Sebarang syarikat AVG affiliate kami;

AVG ialah syarikat global, yang terdiri daripada banyak syarikat dengan banyak pejabat di seluruh dunia. Untuk melakukan perniagaan di seluruh dunia, kami boleh berkongsi data peribadi anda merentasi pejabat dan syarikat kami yang mungkin dalam negara dengan undang-undang yang berbeza berkaitan pengumpulan dan penggunaan data peribadi berbanding negara di mana kami mengumpulkannya.

- Pembekal carian;

Pembekal carian kami yang tertentu mungkin memerlukan kami berkongsi alamat IP penuh anda dengan mereka untuk memenuhi permintaan carian anda. Sila ambil perhatian bahawa pembekal mempunyai dasar privasi mereka sendiri yang mentadbir privasi permintaan ini. Kami menggalakkan anda untuk membaca dasar privasi ini sebelum memutuskan untuk menggunakan perkhidmatan ini.

- Penjual semula AVG yang terpilih, pengedar dan rakan kongsi lain menjalankan perkhidmatan bagi pihak kami.

Kami boleh berkongsi sebahagian data peribadi anda, seperti alamat e-mel anda, dengan penjual semula, pengedar dan rakan kongsi terpilih yang tertentu bagi membolehkan mereka menghubungi anda bagi pihak kami berkenaan produk, perkhidmatan atau tawaran yang kami percaya penting bagi anda atau perniagaan anda, untuk memenuhi sebarang terma di bawah pelesenan dan hubungan perkhidmatan anda dengan AVG atau untuk memberikan sokongan teknikal dan pelanggan tempatan kepada anda.

Akhir sekali, kami boleh berkongsi data peribadi anda:

- apabila perlu menyediakan produk atau perkhidmatan yang anda perlukan seperti dengan pembekal kad pembayaran yang kami gunakan untuk memproses transaksi kad kredit anda;
- apabila dibenarkan oleh undang-undang atau perlu mematuhi dengan proses undang-undang yang sah;
- apabila diperlukan untuk melindungi dan mempertahankan hak atau harta benda AVG, termasuk keselamatan produk dan perkhidmatan kami;
- apabila perlu melindungi keselamatan diri, harta benda atau hak awam yang lain, AVG atau pelanggan atau pekerjanya; atau
- berhubung dengan jualan semua atau sebahagian perniagaan kami.

Jika kami diwajibkan oleh undang-undang untuk mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga, kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memberitahu anda lebih awal tentang pendedahan itu kecuali dilarang oleh undang-undang. Jika kami terlibat dalam penggabungan, pengambilan atau penjualan aset, kami akan mematuhi Dasar Privasi ini dan mana-mana pengguna yang terjejas akan dimaklumkan jika kami memindahkan sebarang data peribadi kepada pihak ketiga atau jika data peribadi menjadi tertakluk pada dasar privasi yang berbeza sebagai kesannya.

Apakah hak yang saya miliki ke atas data saya?

Anda berhak untuk bertanya kepada kami tentang data peribadi yang kami

proses mengenai anda, tujuan dan sifat pemprosesan, dan maklumat mengenai dengan siapa maklumat ini dikongsi.

Anda berhak untuk meminta kami mengemas kini, membetulkan atau memadam (dengan menganggap bahawa hal ini tidak akan memberikan kesan kepada perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda) data peribadi anda pada bila-bila masa. Sila ambil perhatian bahawa kami boleh menolak permintaan yang membahayakan privasi orang lain, yang tidak munasabah atau berulang-ulang atau memerlukan usaha yang tidak seimbang. Kecuali anda meminta kami memadam data anda, sila ambil perhatian bahawa kami boleh menyimpan data peribadi anda selama satu tahun selepas anda berhenti menjadi pelanggan (tetapi kami biasanya menyimpan data peribadi anda kurang daripada tempoh tujuan yang diperlukan untuk data tersebut dikumpulkan).

Anda berhak untuk tidak menyertai penggunaan atau pengumpulan data tertentu oleh kami atau pihak ketiga, termasuk data peribadi dan bukan peribadi, dengan mengikut arahan-arahan [di sini](#).

Anda berhak untuk tidak mahu menerima surat berita e-mel, buletin atau maklumat kami yang lain pada bila-bila masa dengan mengikut arahan [di sini](#) atau proses menghentikan langganan yang berkaitan yang digariskan dalam e-mel atau surat berita berkaitan. Sila maklum bahawa e-mel kami mungkin mengandungi maklumat penting atau berguna mengenai produk AVG anda, termasuk maklumat mengenai nombor lesen anda atau status pesanan atau akaun anda.

Anda berhak untuk mengharapkan kami melindungi data peribadi anda dan mengekalkannya selamat. Kami bekerja keras untuk melindungi AVG dan pengguna kami daripada akses atau pemindaan, pendedahan atau pemusnahan maklumat yang kami pegang tanpa kebenaran. Khususnya:

- Kami mematuhi Dasar Privasi ini sepanjang masa berhubung semua data yang kami kumpul daripada anda;
- Kami mengehadkan penggunaan dan pendedahan data peribadi anda dan bekerja untuk memastikan bahawa sesiapa sahaja yang kami kongsikan maklumat tersebut akan melayan maklumat tersebut dengan privasi dan keselamatan yang layak diterimanya; dan

- Kami telah membentuk amalan fizikal, teknikal dan pentadbiran yang diterima industri bagi melindungi dan memastikan keselamatan maklumat yang kami kumpulkan.

Apakah perubahan yang anda telah lakukan baru-baru ini?

Kami mempunyai hak untuk mengubah Dasar Privasi ini pada bila-bila masa dan akan menunjukkan tarikh Dasar Privasi kali terakhir dikemas kini. Jika terdapat perubahan yang ketara, kami akan menyerlahkan sebarang perubahan dan akan cuba memberikan anda amaran secara terus jika boleh. Kami turut akan menyimpan versi Dasar Privasi sebelum ini dalam arkib untuk semakan semula anda.

Perubahan pada dasar privasi kami sejak versi terkini meliputi:

- Kami telah mengubah cara kami mempersembahkan dasar privasi kami untuk menjadikannya lebih mudah difahami dan dibaca.

Iikut [pautan ini](#) untuk memuat turun dasar privasi semasa atau mengakses versi Dasar Privasi AVG yang terdahulu.

Bagaimanakah saya dapat menghubungi anda?

Jika mempunyai sebarang soalan tentang dasar ini atau mana-mana yang di atas, sila e-mel kami diprivacy@avg.com atau lihat arahan dalam produk atau perkhidmatan yang anda sedang gunakan. Anda boleh menghubungi kami melalui mel di:

AVG Netherlands BV
Gatwickstraat 9-39,
1043GL Amsterdam
Belanda

Apakah lagi yang saya perlu tahu?

Secara berkala, tapak atau produk kami mungkin mengandungi pautan ke dan dari tapak web atau destinasi luar lain yang diuruskan oleh pihak ketiga lain. Jika anda mengikuti pautan ke mana-mana destinasi ini (seperti tawaran di kedai-kedai aplikasi mudah alih dan lain-lain), sila ambil perhatian bahawa tapak tersebut mempunyai dasar privasi mereka sendiri. Apabila berada pada tapak-tapak tersebut, anda tertakluk kepada dasarnya. Oleh sebab itu, anda haruslah membaca dan memahaminya sebelum mengemukakan sebarang data peribadi kepada tapak-tapak tersebut.

Kami turut boleh memaut kepada tapak web yang mempunyai jenama bersama yang diselenggarakan oleh AVG Technologies dan satu atau beberapa rakan kongsi perniagaan kami. Sila ambil perhatian bahawa tapak-tapak web dan produk perkongsian jenama ini mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri di mana kami menggalakkan anda untuk membaca dan memahaminya.